

**Pindaan Arahkan Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arahkan Perbendaharaan (AP) 100 (a) & (b)**

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuatkuasa
AP 100(a) & (b)	Tuntutan Perjalanan Pegawai Awam	Tuntutan Perjalanan Pegawai Awam (a) Tuntutan perjalanan mengikut Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam dan arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan hendaklah disahkan dan dikemukakan tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan yang berikutnya. Sebarang kelewatan dalam mengemukakan permohonan dari tempoh yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal. Bagi maksud kelulusan tersebut, Pegawai Pengawal boleh membuat penetapan kuasanya kepada pegawai kanan untuk meluluskan pengecualian tersebut. Kelulusan yang diberi hendaklah mengikut peraturan yang berkuat kuasa. (b) (i) Hanya satu (1) tuntutan perjalanan boleh dibuat bagi setiap bulan. Jika perjalanan dimulakan pada atau hampir hujung bulan dan disempurnakan dalam bulan	17 Julai 2024

		yang berikutnya, perjalanan tersebut hendaklah dianggap sebagai perjalanan bagi bulan ia disempurnakan. (ii) Bagi pembayaran untuk tuntutan perjalanan melebihi satu (1) kali dalam tempoh sebulan hendaklah diluluskan oleh Pegawai Pengawal mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa.	
--	--	--	--